

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 8 Tahun 2023

Ogos 2023

ANUGERAH AKRAB ORGANISASI KATEGORI INOVATIF DAN ANUGERAH AKRAB INDIVIDU KATEGORI BESTARI

PUTRAJAYA, 3 Oktober 2023 – Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah memenangi tiga (3) anugerah AKRAB sempena Majlis Konvensyen AKRAB Kebangsaan & Penganugerahan AKRAB tahun 2023 telah diadakan pada 3 Oktober 2023 bertempat di Dewan Serbaguna KPDN, Putrajaya. Konvensyen ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), JPA. Anugerah AKRAB yang telah dimenangi oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia adalah Anugerah AKRAB Kategori Organisasi Inovatif, Pn K B Elena Hong Tze Lan (AKRAB Putrajaya) Keduanya adalah Anugerah AKRAB Kategori Individu Bestari Tuan Mohd Kafli bin Che Ali (AKRAB Mahkamah Kuala Lumpur) dan ketiga adalah Anugerah AKRAB Kategori Individu Bestari, Puan Nor Rajiah binti Mat Zin (AKRAB Mahkamah Selangor).



BULETIN @ PSIKOLOGI

HARI TERBUKA AKRAB, MAHKAMAH KLANG, SELANGOR

KLANG, 12 Oktober 2023 –Jawatankuasa AKRAB Mahkamah Negeri Selangor telah mengadakan hari terbuka AKRAB Mahkamah Negeri Selangor Tahun 2023 yang diadakan di Lobi Kompleks Mahkamah Klang, Selangor. Program ini diadakan dengan kerjasama daripada Cawangan Psikologi Istana Kehakiman Putrajaya, Bahagian Psikologi Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Seksyen Pengurusan Rumah Peranginan, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Seramai lebih kurang 109 orang warga Mahkamah Klang, peguam dan orang awam yang menyertai booth-booth hari tersebut. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan antaranya adalah :

- ❖ Penerangan Fungsi AKRAB
- ❖ Khidmat Nasihat/ Kaunseling
- ❖ Pelbagai *Test* Psikologi
- ❖ Ujian Tekanan Darah
- ❖ Cuepcas Care
- ❖ Rumah Peranginan Kerajaan



Buletin @ Psikologi

Booth Psikologi, Program Hari Terbuka Perpustakaan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) 2023

PUTRAJAYA, 31 Oktober 2023 – Program *Booth Psikologi* dan AKRAB telah diadakan bertempat di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) bersempena Program Hari Terbuka Perpustakaan di Istana Kehakiman. Pelbagai jualan dan promosi perkhidmatan diadakan sepertinya makanan, pakaian, Wonderbuuk, demo pemuliharaan dokumen, perkhidmatan ICT, *Art Therapy*, ujian personality dan lain-lain.

Objektif program ini adalah untuk :

- Memperkenalkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling
- Mempromosikan perkhidmatan psikologi dan peranan AKRAB.
- Memberi pendedahan kepada warga mahkamah berkaitan kaedah terapi yang boleh digunapakai dalam intervensi psikologi.
- Memberi ruang kepada warga mahkamah untuk mendapatkan perkhidmatan psikologi/ kaunseling secara bersemuka.



DISEDIAKAN OLEH:

Cawangan Psikologi & AKRAB Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

BULETIN @ PSIKOLOGI

HARI BERTEMU PELANGGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) ANJURAN BERSAMA AKRAB MAHKAMAH NEGERI SELANGOR

SHAH ALAM, 28 November 2023 - Mahkamah Negeri Selangor telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan PTJ di Dewan Sri Orkid Aras 5 Bangunan Annex Kompleks Mahkamah Shah Alam. Tujuan PTJ mengadakan Hari Bertemu Pelanggan adalah bagi warga kehakiman Mahkamah Negeri Selangor untuk membuat semakan buku perkhidmatan masing-masing. AKRAB Mahkamah Negeri Selangor telah menjemput 2 agensi iaitu Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memeriahkan majlis tersebut.

NKF telah menyediakan booth pemeriksaan kesihatan bergerak di mana peserta-peserta boleh menjalankan ujian tekanan darah, ujian air kencing, ujian gula darah, pengiraan indeks jisim tubuh/ukur lilit pinggang, serta ujian kolesterol. KWSP telah menyediakan booth untuk memberi khidmat nasihat berkenaan sistem persaraan KWSP dan perkhidmatan i-Akaun.

Dua sesi ceramah (hybrid) juga telah berlangsung di mana KWSP telah memberikan taklimat bertajuk 'Manfaat KWSP kepada Pekerja Berpencen' dari jam 9.00 pagi sehingga 10.30 pagi yang disampaikan oleh Encik Tia Iskandar Abdullah (Pegawai Khidmat Nasihat Persaraan KWSP), manakala NKF telah memberikan ceramah bertajuk 'Kidney Disease and You' yang disampaikan oleh Puan Nor Atiqah Binti Mohd Akhir (Public Education Executive – Operations) bermula jam 10.45 pagi sehingga jam 11.45 pagi. Seramai 53 orang peserta yang hadir secara fizikal termasuk Pengarah Mahkamah Negeri Selangor, YBhg. Dato' Anita Binti Harun dan seramai 40 orang mengikuti ceramah-ceramah tersebut secara maya dengan menggunakan aplikasi Zoom. Pada akhir sesi ceramah, para peserta diberikan peluang untuk bersoal jawab dengan penceramah. Program ini juga secara tidak langsung telah dapat memberi nilai tambah kepada jumlah hari berkursus kepada warga Mahkamah Selangor.

